

# Ingin tahun apa itu pembangunan dan operasi (*DevOps*)


**A**PAKAH yang dikatakan dengan *DevOps*? Din, Kemayan.

Pertamanya *DevOps* merupakan satu nama yang mengambil gabungan antara perkataan *development* dan *operations*.

*DevOps* adalah istilah untuk sekumpulan konsep yang walaupun tidak semua baharu telah menjadi pemangkin dalam satu gerakan dan dengan cepat merebak ke seluruh komuniti

## Diskusi ICT

Bersama FIRKHAN  
[sembangict@yahoo.com](mailto:sembangict@yahoo.com)



teknikal.

Seperti mana-mana istilah baharu dan popular, orang mempunyai tanggapan yang agak keliru dan kadang-kadang bercanggah dengan apa yang ada.

*DevOps* boleh ditakrifkan secara lebih bermakna sebagai

rangka kerja piawaian untuk lebih jelas membincangkan pelbagai isu yang terkandung dalam konsep *DevOps* ini seperti mana *Quality*, *Agile* dan lain-lain.

*DevOps* adalah satu konsep yang cukup besar yang memerlukan pemahaman mendalam dalam beberapa perkara untuk memahami *DevOps* sepenuhnya.

*DevOps* muncul daripada pertembungan dua gaya pengurusan teknologi seperti mana namanya. yang berkaitan utama istilah baharu.

Gaya pengurusan teknologi

pertama ini dikenali sebagai *agile system administration* atau *agile operations*.

Gaya ini muncul daripada

*DevOps* adalah

pendekatan pengurusan teknologi baharu yang dikenali

sebagai *Agile and Lean* dalam

operasi kerja.

Gaya pengurusan teknologi kedua pula merupakan satu

adalah pemahaman yang lebih

berkembang daripada nilai

kerjasama antara kakitangan

pembangunan dan operasi di

sepanjang semua peringkat

kitaran hayat pembangunan semasa membuat dan mengendalikan sesuatu perkhidmatan.

Seterusnya, operasi sesebuah organisasi menjadi sangat

penting sehingga meningkatkan

kualiti permintaan di dunia berorientasikan perkhidmatan.

Namun begitu, konsep *DevOps* ini sangat popular digunakan dalam pembangunan sistem

komputer dalam dunia teknologi maklumat.

Pembangun perisian akan bekerjasama dengan profesional teknologi maklumat dalam menghasilkan suatu sistem berkomputer yang pantas, cekap, boleh dipercayai dan relevan.

Dalam dunia pembangunan sistem berkomputer, terdapat enam elemen bagi konsep *DevOps* ini iaitu *Code*, *Build*, *Test*, *Package*, *Release*, *Configure* dan *Monitor*.

Kebanyakan proses pembangunan sistem berkomputer ini dijalankan menggunakan alat berdasarkan pelantar maya seperti *Docker*, *Jenkins*, *Puppet* dan *Vagrant*.